

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KELAB SUKAN & KEBAJIKAN  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL, JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS  
BIL. 6/2004**

---

**Tarikh** : 7 September 2004

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT

**Masa** : 9.00 pagi

**HADIR :**

- |     |   |              |
|-----|---|--------------|
| 1.  | En. Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi (Presiden)          | - Pengerusi  |
| 2.  | Tn. Hj. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hassan (Timbalan Presiden ) |              |
| 3.  | Tn. Hj. Azhari Bin Ahmad (Bendahari)                      |              |
| 4.  | Tn. Hj. Tarmidzi Bin Abd Manap (Ketua Biro Kebajikan)     |              |
| 5.  | En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan)              |              |
| 6.  | Pn. Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA)               |              |
| 7.  | En. Abdul Wahab Bin Mohd. Noor (Pen. Bendahari)           |              |
| 8.  | Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK)                             |              |
| 9.  | En. Mohd. Fuzi Bin Hashim (Timb. Setiausaha Kehormat)     |              |
| 10. | En. Nurul Huda Bin Romli (Setiausaha Kehormat)            | - Setiausaha |

**TURUT HADIR**

1. En. Noor Akhmar Bin Kamaruddin (Setiausaha Biro Sukan)

**TIDAK HADIR :-**

- |    |  |                |
|----|--|----------------|
| 1. | En. Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi) | - Dengan maaf. |
| 2. | En. Mohd. Zahar Bin Ibrahim (AJK)          | - Dengan maaf. |

**1.0 UCAPAN PENERUSI**

Tuan Pengerusi selaku Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan membuka mesyuarat dengan bacaan umul kitab Al-Fatihah.

Tuan Pengerusi mengingatkan semua ahli jawatankuasa memainkan peranan masing-masing supaya kelab lebih maju lagi. Beliau seterusnya mengucapkan tianah kepada Encik Mohd. Fuzi Bin Hashim, Timbalan Setiausaha Kehormat yang telah melangsungkan perkahwinannya pada bulan lepas.

Seterusnya, Tuan Pengerusi menyentuh tentang Fasal 13 (1) Perlembagaan Kelab yang mana seorang Penasihat Kelab yang baru akan dilantik iaitu Pengarah BPT manakala seorang Penaung Kelab juga akan dilantik iaitu Ketua Pengarah JMG.

Tuan Pengerusi juga mengucapkan tianah kepada mereka yang terpilih mewakili pasukan MNRE di mana 8 orang peserta dari BPT berjaya dipilih. Tianah juga kepada Encik Tan Kin Cheng kerana berjaya menjuarai acara Ping Pong MAKSAK Perak.

Seterusnya, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Sukan Kompleks JMG Ipoh 2004 akan diadakan pada bulan September dan Oktober 2004 yang mana kebenaran diperolehi pada hari Sabtu sahaja selain dua acara ditetapkan pada hari Rabu.

Tuan Pengerusi juga memaklumkan tentang sumbangan daripada Encik Abdul Kadir bin Ahmad, Ketua Pegawai Kimiabumi untuk jam catur sebanyak RM 150.00 dan tambahan sebanyak RM 35.00 lagi daripada kelab.

## **2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 4/2004**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Mineral dan Geosains, Bil. 5/2004 telah diterima dan disahkan tanpa pindaan.

## **3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEMASA MESYUARAT BIL. 5/2004**

### **3.1 AHLI BERSEKUTU**

Maklumat berkaitan Ahli Bersekutu akan dibincangkan pada mesyuarat akan datang memandangkan Setiausaha Kehormat baru sahaja kembali memulakan tugas pada 01 September 2004.

Tindakan : Setiausaha Kehormat

### **3.2 PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN MOTTO KELAB**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pertandingan akan tamat pada 11 September 2004. Pertandingan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada ahli kelab. Undian laman web akan dijalankan sebaik sahaja tarikh tutup yang mengumpulkan 30% markah penilaian manakala 70% lagi oleh pengadil pertandingan.

Mesyuarat memutuskan bahawa jumlah hadiah untuk pertandingan mencipta logo dan motto kelab adalah sebanyak RM 100.00.

Tindakan : Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan

### **3.3 BILIK KELAB**

Peruntukan sebanyak RM 1,500.00 diperolehi dari Bahagian Pentadbiran BPT untuk melaksanakan pengubahsuaian bilik kelab.

Tindakan : Makluman

### **3.4 CENDERAHATI KEPADA WEBMASTER**

Mesyuarat bersetuju untuk memberi cenderahati kepada En. Zahar bin Ibrahim selaku Webmaster di atas sumbangan dan inisiatif beliau untuk mewujudkan Laman Web Kelab KSK BPT.

Tindakan : Bendahari Kehormat

### 3.5 IKLAN-IKLAN PERSENDIRIAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sehingga hari ini iklan-ilan persendirian di laman web kurang mendapat sambutan.

Tindakan : Makluman

### 4.0 LAPORAN BIRO-BIRO.

#### 4.1 LAPORAN SETIAUSAHA KEHORMAT.

##### 4.1.1 Keahlian.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa bilangan keahlian kelab sehingga hari ini adalah seramai 115 orang ahli.

Makluman : Semua.

#### 4.2. LAPORAN BENDAHARI KEHORMAT.

##### 4.2.1 Laporan Kewangan

Bendahari Kehormat memaklumkan bahawa kedudukan kewangan Kelab sehingga 6 September adalah berjumlah RM 6274.89 (Tunai RM300.80 dan dalam RHB Bank RM5974.09)

Makluman : Semua

##### 4.2.2 Yuran Ahli

Bendahari Kehormat memberitahu ahli mesyuarat bahawa wakil cawangan yang dilantik untuk mengutip yuran bulan adalah terdiri daripada:

- |      |                   |                       |
|------|-------------------|-----------------------|
| i.   | Encik Zahar       | - Perkhidmatan Makmal |
| ii.  | Encik Hassan      | - Pentadbiran         |
| iii. | Encik Mohd. Rizal | - Unit Min & Pet      |
| iv.  | Encik Zahrnaji    | - Unit Worksyop       |
| v.   | Puan Rubiah       | - Sistem Maklumat     |

Satu senarai bayaran yuran lengkap ahli bagi tahun 2004 dikemukakan untuk makluman ahli mesyuarat.

Tuan Pengerusi mencadangkan supaya semua Ahli Jawatankuasa kelab mengisi borang Potongan Biro Angkasa (PBA) untuk pembayaran yuran bulanan. Ini akan menjadi contoh kepada ahli kelab.

Tindakan: Bendahari Kehormat

Encik Abdullah bin Sulaiman, Pengerusi Biro Sukan memberitahu bahawa Encik Zahar mencadangkan supaya kutipan yuran dilakukan tiga bulan sekali dengan mengadakan kaunter di kantin BPT.

Cadangan supaya diadakan diskaun kepada ahli kelab yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan sebanyak RM 10.00 dan ahli kelab yang tidak hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan sebanyak RM 6.00 diadakan untuk menarik minat penyertaan sebagai ahli kelab.

Tindakan: Bendahari Kehormat

### 4.3 BIRO SUKAN

Encik Abdullah bin Sulaiman, Pengerusi Biro Sukan memaklumkan bahawa kontijen MNRE akan bertolak ke Johor Bahru dan seterusnya Singapura pada 17 September 2004 nanti. Ia akan diwakili oleh 7 peserta dari KSK BPT, 4 peserta dari KSK PPM dan 1 peserta dari KSK JMG negeri Perak yang akan diketuai oleh Tuan Haji Abdul Halim. Kelab telah menyumbang sebanyak RM 10.00 setiap peserta.

Makluman

Sukan kompleks JMG Ipoh 2004 akan diadakan pada Septembar dan Oktober 2004. KSK BPT akan menganjurkan 5 acara. Acara Catur akan diadakan pada 8 September 2004 di Bilik Persidangan, JMG Negeri Perak. Kelengkapan yang sedia ada adalah kepunyaan kelab dan kelengkapan yang tidak ada akan dibuat pinjaman dari KSK PPM dan KSK Negeri Perak.

Encik Noor Akhmar Bin Kamaruddin, Setiausaha Biro Sukan akan bertindak sebagai Pengerusi Majlis Perasmian dan Penutup. Perasmian akan dilakukan oleh Ir. Dzulkarnain bin Haji Kamaruzzaman, Pengarah PPM. Presiden KSK BPT akan maklumkan kepada Pengarah PPM

Makluman

### 4.4 BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL.

Tuan Haji Tarmidzi bin Abdul Manap, Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial memaklumkan bahawa Biro Kebajikan mencadangkan supaya diadakan majlis, sambutan dan acara seperti berikut:

- i. Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
- ii. Lawatan Sambil Belajar.
- iii. Lawatan Kebajikan.
- iv. Sumbangan kepada pegawai atau kakitangan yang akan menunaikan fardu Haji melalui kutipan derma.
- v. Sumbangan kepada pegawai atau kakitangan yang melangsungkan perkahwinan, mendapat cahaya mata pertama dan berlakunya kematian menguti kadar seperti berikut:
  - a. Perkahwinan kali pertama - Sumbangan RM 100.00
  - b. Kelahiran cahaya mata pertama - Sumbangan RM 50.00
  - c. Kematian - Ahli - Sumbangan RM 100.00  
- Keluarga - Sumbangan RM 50.00
  - d. Dimasukan ke wad (2 hari dan lebih) - Sumbangan RM 50.00

Mesyuarat bersetuju supaya Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial dapat menyediakan kuantum-kuantum yang ditetapkan tentang perkara v (d) yang man perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat yang akan datang.

Tindakan: Ketua Biro Kebajikan dan Sosial

### 4.5 BIRO HELWA

Puan Rodziah Binti Husain, Ketua Biro Helwa memaklumkan bahawa satu lawatan ke Cameron Highlands akan diatur selepas Hari Raya Aidilfitri 1425H. Setelah berbincang, lawatan itu adalah untuk menyerahkan sumbangan barangan terpakai seperti pakaian dll

kepada penduduk kampung orang asli. Penentuan kampung akan dikenalpasti dengan kerjasama JHEOA dan kutipan barangan terpakai akan dibuat mulai Oktober 2004 (Bulan Ramadhan) selama sebulan.

Tindakan: Ketua Biro Helwa

Aktiviti-aktiviti yang dirancangan oleh Biro HELWA adalah seperti berikut:

- i. Jualan buku resepi
- ii. Kelas tajwid.

#### **4.6 BIRO REKREASI**

Laporan tidak dapat dilaporkan memandangkan Ketua Biro Rekreasi membuat tugasan di lapangan dan tiada wakil dari Biro Rekreasi.

#### **4.7 BIRO EKONOMI**

Tuan Haji Mohd Zaidi bin Hassan, Ketua Biro Ekonomi memaklumkan bahawa penjualan mineral water masih diteruskan sekiranya ada kursus atau lain-lain majlis/acara. Pembekalan mineral water ke dalam mesyuarat perlu mendapat permintaan daripada pentadbiran dahulu memandangkan tuntutan makanan dan minuman untuk ahli mesyuarat bergantung kepada nilai yang ditetapkan untuk setiap seorang ahli mesyuarat.

Ketua Biro Ekonomi juga memaklumkan bahawa tuntutan yang dibuat kepada Bahagian Pentadbiran BPT dari Januari hingga Ogos 2004 adalah sebanyak RM 13,936.00 untuk bayaran makan dan minuman.

#### **5.0 HAL-HAL LAIN**

##### **5.1 Jualan Komputer**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Encik Zahar memberikan cadangannya iaitu sebuah kedai komputer sedia memberi kerjasama untuk menjual komputer kepada ahli kelab yang mana potongan akan dibuat kepada ahli kelab dan kelab akan mendahulukan bayaran. Kelab akan memperolehi sedikit keuntungan melalui penjualan seperti ini.

Mesyuarat juga memutuskan sekiranya mendapat sambutan, kelab juga boleh membuat kaedah seperti ini untuk pembelian motorsikal atau skuter.

##### **5.2 Kad Hari Raya**

Mesyuarat memutuskan bahawa Biro Ekonomi boleh membuat tempahan kad Hari Raya dan menjualkannya kembali kepada ahli kelab dan kakitangan lain.

##### **5.3 Muzium**

Muzium BPT banyak menerima kunjungan daripada pelawat luar. Oleh itu, Encik Abdul Wahab mencadangkan supaya kelab dapat membuat 'phamplet' dan menjualkannya

dengan nilai RM 50.00. 'Phamplet' ini mengandungi klasifikasi mineral dan batuan dll lagi. Lawatan adalah percuma.

## **6.0 MESYUARAT AKAN DATANG**

Mesyuarat bulanan seterusnya akan dimaklumkan kemudian.

## **7.0 PENUTUP**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi di atas komitmen yang diberikan dan berharap segala aktiviti yang dirancangkan oleh semua Biro dapat dilaksanakan secepat mungkin.

.....  
Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi  
Pengerusi

.....  
Nurul huda bin Romli  
Setiausaha